

YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

Econazole Nitrate 150mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG
2. Bagaimana YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG berfungsi
3. Sebelum menggunakan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG
4. Cara menggunakan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG
5. Semasa menggunakan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG digunakan untuk radang faraj yang disebabkan jangkitan kulat dan yis.

Bagaimana YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG berfungsi

YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG ialah pesari berbentuk gelendong yang melepaskan ubat yang dipanggil econazole nitrate apabila dimasukkan ke dalam faraj. Econazole nitrate ialah agen 'antikulat' yang berfungsi dengan mencegah pembiakan kulat.

Sebelum mengambil YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah terhadap Econazole Nitrate atau bahan-bahan lain yang disenaraikan dalam produk ini.

- Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika anda ingin menggunakan YSP ECONAZOLE NITRATE 150MG bersama dengan ubat lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada mengambil ubat-ubat lain, termasuklah ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

- Berapa banyak harus digunakan

Masukkan satu pesari ke dalam faraj dalam keadaan terbaring.

- Bila perlu digunakan

Pesari harus digunakan sebelum tidur.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan untuk tiga hari berturut-turut.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG, ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, skip dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kecemasan di hospital terdekat anda jika anda mengesyaki anda atau orang lain mungkin telah mengambil ubat ini dengan terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan segera.

Semasa menggunakan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau menukar regimen dos tanpa arahan daripada doktor anda. Jangan berikan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dalam tempoh rawatan, pesakit dinasihatkan untuk tidak menjalani persetubuhan atau, sebagai alternatif, penggunaan kondom disyorkan.

Kesan-kesan sampingan

Econazole nitrat biasanya baik diterima. Kesan-kesan buruk adalah terhad kepada kegatalan kulit tempatan sekali-sekala, ditunjukkan gejala erythema, pruritus, dan pembakaran atau rasa menyengat; pemberhentian terapi jarang diperlukan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melepasi tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG adalah pesari berwarna putih.

YSP ECONAZOLE NITRATE PESSARY 150MG

Econazole Nitrate 150mg

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

Econazole nitrate

Bahan tidak aktif-

Sodium Citrate

Disodium Edetate

Witepsol

Rose

Benzethonium Chloride

- Nombor MAL

MAL19992137AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru

Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/02/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)190627/182